

15 MAY 2000

Mahathir-Jawatankuasa

J/KUASA KABINET RANCANG PENDEKATAN KURANGKAN KEGIATAN TIDAK BERMANFAAT

KUANTAN, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Belia merupakan usaha ke arah merancang pendekatan yang boleh mengurangkan kegiatan tidak bermanfaat di kalangan belia.

Perdana Menteri berkata program Rakan Muda yang dijalankan sebelum ini tidak mencapai matlamat sepenuhnya meskipun berjaya menarik penyertaan ramai belia.

"Tujuan kita (menerusi Rakan Muda) untuk mengurangkan kegiatan yang tidak mendatangkan apa-apa hasil seperti lepak dan dadah masih belum tercapai," katanya pada persidangan media selepas melancarkan Perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Tertutup SUKPA di sini.

Sambutan bertemakan "Bersama Menghadapi Cabaran Alaf Baru" itu disertai lebih 5,000 belia dari seluruh negara. Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Hishammuddin, semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, Sabtu lepas menyuarakan cadangan penubuhan jawatankuasa berkenaan dengan dipengerusikan oleh Dr Mahathir bagi memantap dan memajukan dasar-dasar belia negara.

Semasa ditanya pada persidangan media hari ini mengenai bentuk program yang perlu dirangka bagi menggantikan Rakan Muda yang disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai menjemukan itu, Dr Mahathir berkata "kita boleh menjadikannya seronok sedikit, tetapi tidaklah seronok sangat."

Katanya, program yang baru itu kelak akan dirangka supaya lebih menarik minat belia.

Beliau berkata di dalam ucapan pelancaran majlis, beliau turut menyentuh mengenai budaya kerana sekiranya golongan belia mengikuti cara Barat yang terlalu berkait rapat dengan seks, maka negara akan berhadapan dengan masalah keruntuhan moral.

"Di Barat hari ini, apa yang dinamakan cinta itu tidak ada... pasangan yang bercakap dengan mata yang bersinar-sinar tentang perkahwinan tak ada dah. Nampak saja wanita, mereka akan nampak tempat tidur. Dalam bayangan mereka, mereka menanggalkan pakaian wanita itu," kata beliau lagi.

Beliau tidak mahu masyarakat negara ini menyerapkan budaya sedemikian rupa yang hanya memikirkan keseronokan semata-mata tanpa sebarang rasa tanggungjawab.

Ketika ditanya sama ada rancangan-rancangan yang disiarkan melalui media massa perlu diubah bagi mengurangkan pengaruh tidak sihat dari Barat, Dr Mahathir berkata agak sukar untuk berbuat demikian kerana walaupun tanpa siaran melalui televisyen, gejala negatif seperti itu boleh diperolehi menerusi Internet.

"Kita nak sekat teknologi tak boleh sebab itu kita kena membina nilai hidup yang mulia di kalangan masyarakat kita supaya dengan sendirinya dia akan menolak benda yang tidak baik," kata beliau lagi.

Beliau berkata penapisan sendiri dan pegangan kepada ajaran mulia merupakan pendekatan terbaik untuk menolak perkara-perkara yang tidak baik.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, turut ditanya mengenai tindakan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz yang membuat perubahan besar dalam barisan kepimpinan pergerakan itu.

Dr Mahathir enggan mengulas perkara itu dan berkata beliau akan memberikan pendapatnya selepas bertemu Rafidah petang ini.

Dalam rombakan yang diumumkan semalam, Rafidah menggugurkan sembilan Ketua Wanita Negeri termasuk bekas ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Hanya tiga ketua wanita Umno negeri -- bagi Perlis, Pulau Pinang dan

Negeri Sembilan -- dikekalkan dalam perkembangan yang dilihat sesetengah pihak sebagai usaha menamatkan segera pengaruh Siti Zaharah.

-- BERNAMA

TM NMO